



MINT GUAVA LEAF TEA IN PINEAPPLE FIBRE SACHET

SK KAMPUNG IDAMAN, PELABUHAN KLANG, SELANGOR

MALAYSIA

MAKING OF TEA LEAF POWDER

COLLECTING

Mint & Guava leaves

CLEANING

using tap water

CHOPPING

to get small pieces of leaves

DRYING

under natural sunlight

BLENDING

to get leaves powder

WEIGHING

(95% guava leaf + 5% mint leaf)

MAKING OF PINEAPPLE FIBRE SACHET

COLLECTING

getting pineapple leaves from the farm

EXTRACTION

hand scrapping/ machine

DRYING

to get under natural sunlight

MAKING CLOTH

50% pineapple fibre + 50% cotton

MAKING SACHET

cut and sew the cloth to get a desired size of sachet

MAKING OF PINEAPPLE BOX

COLLECTING

getting pineapple leaves from the farm

CUTTING

to get small pieces of leaves

HEATING

2 hours

DIPPING OVERNIGHT

at room temperature

BLENDING

to get pineapple paste

MOULDING

pour the paste into the mould

DRYING

under natural sunlight

FLATTENING

to get a desired thickness

MAKING BOX

cut the paper to a desired size and fold it to make boxes

Green Wealth





IDAMAN TEA

SK KAMPUNG IDAMAN, PELABUHAN KLANG, SELANGOR
MALAYSIA

Abstrak

Projek usahasama yang dikenali sebagai Idaman Tea ini merupakan kejayaan terbesar yang diperolehi oleh pasukan inovasi sekolah dalam merealisasikan pelaksanaan PBD (Pentaksiran Bilik Darjah) dan juga KMR (Kefahaman Melalui Rekabentuk) dalam program Kementerian Pendidikan Malaysia TS25 berteraskan keperluan pembelajaran murid dalam DSKP (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran). Idaman Tea merupakan minuman herba daripada daun pucuk jambu batu dan juga daun pudina menggunakan uncang daripada fiber daun nanas. Pada peringkat awal, murid di beri peluang untuk melontarkan "Big Ideas" dan murid turut terdorong untuk melakukan penyiasatan dan juga inkuiri hasil persoalan idea yang ada. Maka projek ini bukan sahaja dapat dijadikan sebagai produk inovasi sekolah, malah telah membawa kepada pembelajaran terbeza sehingga merentasi elemen kurikulum itu sendiri. Guru merancang pengajaran inovatif ini untuk membentuk satu pasukan inovasi yang mantap. Rata-rata murid yang terlibat berumur dari sebelas hingga dua belas tahun. Pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL), eksperimen dan perbincangan. Beberapa agensi turut dilibatkan di mana murid sendiri mampu meneroka dan melibatkan diri sepanjang projek ini berlangsung. Antara agensi yang terlibat adalah UITM Shah Alam, MARDI, Lembaga Nanas Selangor dan juga syarikat Usahawan IKS. Sememangnya penglibatan murid secara aktif dalam menjayakan projek ini melalui bimbingan guru akan dapat memperlihatkan perkembangan dan potensi murid, membantu guru merancang aktiviti dengan berkesan seterusnya mampu menjana pendapatan melalui produk yang dihasilkan.

Penerangan Produk

Inovasi ini merupakan produk semulajadi minuman herba daripada daun pucuk jambu batu dan juga daun pudina disajikan di dalam uncang yang diperbuat daripada fiber daun nanas.

Objektif

- Membudayakan inovasi dalam memberi peluang kepada murid untuk lebih kreatif dan bijak berinteraksi seiring pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dan program Kefahaman Melalui Rekabentuk TS25.
- Memperkenalkan masyarakat dengan penciptaan inovasi uncang teh yang diperbuat daripada fiber daun nanas bagi menggantikan uncang yang sedia ada di pasaran.
- Mempromosikan minuman herba daripada daun pucuk jambu batu dan daun pudina yang tinggi antioksidan serta mempunyai pelbagai khasiat.

Masalah dan Punca

1. Guru tidak tahu menggayakan kelebihan sedia ada murid dalam melontarkan bakat serta idea dalam menghasilkan inovasi yang mampu meningkatkan pengetahuan mereka sejajar pelaksanaan PBD di sekolah.
2. Peluang serta sokongan pihak sekolah dan pihak luar demi menyerlahkan bakat yang ada pada murid serta komitmen guru yang berinovatif.
3. Uncang minuman yang digunakan dalam produk teh premium yang ada di pasaran mampu mencemarkan minuman di mana berbilion mikroplastik (mikro /nano partikel) yang dilepaskan daripada uncang boleh menjejaskan kesihatan manusia.
4. Para pengusaha tanaman nanas menghadapi masalah untuk menguruskan bahan buangan (daun nanas) selepas menuai.
5. Masyarakat sedang mencari alternatif bagi meningkatkan kesihatan dan merawat penyakit seperti cirit-birit, kolesterol tinggi, kencing manis, penuaan, dan juga penyakit kanser seperti kanser payudara dan juga prostat.

Keaslian

- Mengekalkan kaedah tradisional.
- Tidak menggunakan bahan kimia.
- Uncang yang dihasilkan bersifat boleh dicuci dan diguna semula.

Impak yang berkesan

- Menyediakan teh yang berkhasiat kepada masyarakat.
- Menjana pendapatan (pihak sekolah khususnya).
- Mengurangkan pencemaran persekitaran (membantu mengurangkan masalah timbunan bahan buangan)

Aspek Mesra Alam

- Uncang dan kotak produk di buat daripada daun nanas (bahan semula jadi).
- Boleh diuraikan.
- Boleh diguna semula dan dikitar semula

Aplikasi dan Potensi Pasaran

- Dapat memenuhi citarasa masyarakat remaja dan golongan dewasa (khususnya penggemar teh)
- Sedia bersaing dengan produk-produk teh lain yang berada di pasaran.



Green Wealth